



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TUKANG KAYU TINGKAT KHAS (D.2 EB.3)
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**TUKANG KAYU TINGKAT KHAS
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
D.2 EB.3 (\$650 - \$1,125 EB KHAS \$1,170 - \$1,350 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus sekurang-kurangnya satu (01) Mata Pelajaran Sijil Am Pelajaran *Brunei- Cambridge* Peringkat Lanjutan (*'A' Level*) atau sebanding.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji E.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.
2. Berkemahiran dan kecekapan dalam menggunakan perkakas tukang kayu yang biasa termasuk alat-alat yang menggunakan tenaga elektrik.
3. Keutamaan diberikan kepada calon lelaki.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

DI JABATAN DAERAH TUTONG

1. Membuat jadual kerja-kerja harian Tukang Kayu dan laporan mingguan kepada Pengawas Tukang Kayu atau Ketua Bahagian;
2. Mengetuai Unit Tukang Kayu dan bertanggungjawab menyelia kakitangan di bawah kawalannya;
3. Memastikan pelaksanaan tugas Tukang Kayu mengikut arahan, diusahakan dengan selamat dan sempurna serta mengikut masa yang ditetapkan;
4. Memastikan semua peralatan dan kelengkapan Tukang Kayu mencukupi dalam simpanan dan berkeadaan / berfungsi dengan baik;
5. Bersedia melaksanakan tugas Tukang Kayu di Bahagian kawasan pendalaman; dan
6. Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa daripada Ketua Unit.